

Jangan tunggu bantuan sampai semata-mata

KELANANG - Budaya menunggu bantuan semata-mata tanpa berusaha meningkatkan taraf hidup keluarga sepanjang Ramadan ternyata masih berlaku dalam masyarakat.

Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau mengakui keadaan itu menyumbang ke arah taraf sosioekonomi komuniti tidak sihat.

Menurutnya, beliau faham ramai pihak mengambil kesempatan menjadikan Ramadan sebagai bulan bersedekah.

"Jadi, bulan ini kita nampak penerima sumbangan antara golongan yang gembira.

"Bagaimanapun, kita mahu penerima dapat tanamkan sifat supaya keluar dari kepompong kemiskinan. Kalau tahun ini dia terima bantuan, dia harus berazam untuk

memajukan diri selepas ini," katanya selepas Program Iftar Perdana di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Lanang.

Sulaiman berkata, budaya menunggu bantuan semata-mata menimbulkan kerisauan jika ia disalahgunakan.

Katanya, jadi kalau boleh penerima juga harus bercita-cita menjadi kumpulan yang akan menyumbang.

"Dengan cara ini kita dapat pastikan pelbagai golongan dapat dibantu manakala orang yang dahulunya susah dapat hidup selesa," katanya.

Pada program itu, beliau turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM3,000 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.



Sulaiman menyampaikan sumbangan kepada pelajar pada Program Iftar Perdana di SK Sri Lanang.

MDKL bagi hadiah mangkuk tingkat

Penghargaan kepada individu yang bawa sendiri bekas apabila berbelanja di bazar

BANTING - Pemahaman masyarakat terhadap penjagaan kesihatan dan alam sekitar yang berterusan serta kesan negatif penggunaan beg plastik dan polistirena amat dititikberatkan MDKL bagi memastikan hasrat ini dapat dicapai.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya memperhebatkan lagi pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik Dan Polisterin Sempena Kempen Bazar Ramadhan Mampan Tahun 2016 di bawah inisiatif Local Agenda 21 (LA21) MDKL.

Menurutnya, ia dilaksanakan melalui pendedaran kit yang mengandungi risalah kesedaran terhadap penggunaan bahan yang boleh dikitar semula dan pemberian bekas

makanan boleh guna semula.

"Kita turut berikan hadiah penghargaan berupa mangkuk tingkat kepada pengunjung yang membawa bekas makanan sendiri ke Bazar Ramadhan Banting pada setiap hari Sabtu bertarikh 11, 18, 25 Jun dan 2 Julai (empat hari)," katanya.

Mohd Azhar berkata program perintis di Bazar Ramadhan Banting yang dikelola pihak MDKL tersebut dilihat semakin mendapat sambutan berbanding tahun lalu.

Katanya, pengunjung akan dikenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik untuk sebarang pembelian barangan pada setiap hari Sabtu sepanjang Ramadan.

"Pihak peniaga pula akan mengumpulkan caj tersebut ke dalam bekas khas yang disediakan MDKL di setiap gerai.



Mohd Azhar melihat beberapa kakitangan MDKL termasuk Tengku Mohamed menyediakan bubur lambuk di Bandar Saujana Putra.

"Ini adalah sejajar dengan hasrat pihak pentadbiran negeri yang turut memberikan peruntukan bagi menggerakkan program untuk

mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam agar membudayakan penggunaan bekas atau beg boleh guna semula bagi meng-

gantikan plastik serta bekas polistirena yang meningkat penggunaannya lebih-lebih lagi pada Ramadan," katanya pada program memasak dan

mengedar bubur lambuk dengan penglibatan penduduk setempat yang mewakili Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 7 di Bandar Saujana Putra, baru-baru ini.

Program memasak 15 kawah bubur lambuk yang dimulakan sejak awal pagi itu mendapat sambutan menggalakkan melibatkan kakitangan dan penduduk setempat.

Sebanyak 3,000 bekas bubur lambuk telah diedarkan kepada pengunjung bazar dan penduduk sekitar dengan gimik pembungkusan serta agihan bubur lambuk selain penyampaian apron kepada peniaga yang disempurnakan Mohd Azhar dan Orang Besar Daerah Kuala Langat yang juga Pengerusi MPP Zon 7, Tengku Mohamed Tengku Harun.